



NOTIS SEBUT HARGA

1. Tawaran Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tawaran ini diiklankan untuk membekalkan perkhidmatan berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN, TARIKH TAKLIMAT DAN TARIKH TUTUP
SEDA(SH)-02/2020	PEROLEHAN HIJAU: TAWARAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENULISAN, PENTERJEMAHAN KANDUNGAN BAHASA INGGERIS KEPADA BAHASA MELAYU DAN JUGA BACAAN PRUF BAGI KESELURUHAN LAPORAN TAHUNAN SEDA MALAYSIA 2019	221601 dan/ atau mana-mana 221607 sehingga 221615, 222004 sehingga 222008	<u>Tarikh Iklan:</u> 5 FEBRUARI 2020 (RABU) <u>Tempat Taklimat:</u> SEDA Malaysia Galeria PjH, Aras 9, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya <u>Tarikh Taklimat:</u> 10 FEBRUARI 2020 (ISNIN) <u>Masa:</u> 10:00 pagi <u>Tarikh Tutup:</u> 19 FEBRUARI 2020 (RABU) <u>Masa:</u> 12:00 Tengah Hari

2. Perkhidmatan yang ditawarkan perlu memenuhi keperluan seperti yang dinyatakan dalam **Terma Rujukan** bagi **PEROLEHAN HIJAU: TAWARAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENULISAN, PENTERJEMAHAN KANDUNGAN BAHASA INGGERIS KEPADA BAHASA MELAYU DAN JUGA**

BACAAN PRUF BAGI KESELURUHAN LAPORAN TAHUNAN SEDA MALAYSIA 2019.

3. Sesi Taklimat Sebut Harga adalah **DIWAJIBKAN** kepada syarikat/ pembekal yang ingin menyertai sebut harga ini dan akan diadakan pada **(Isnin) 10 Februari 2020** pada jam **10:00 pagi** bertempat di **Auditorium SEDA Malaysia**. Pembekal hendaklah membawa **satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Cop Syarikat** semasa menghadiri sesi taklimat. **Borang Pengesahan Kehadiran Ke Sesi Taklimat Sebut Harga** boleh dimuat turun di dalam laman sesawang SEDA Malaysia (www.seda.gov.my) dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) (www.mestecc.gov.my).
4. Dokumen Meja Sebut Harga boleh dilihat di SEDA Malaysia pada 5 Februari 2020 (Rabu) hingga 7 Februari 2020 (Jumaat) seperti ketetapan berikut:

Hari	Waktu
Rabu hingga Khamis	9:00 pagi – 4:30 petang
Jumaat	9:00 pagi – 12:00 tengah hari 2:45 petang – 4:30 petang

5. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual bermula pada **10 Februari 2020 (Isnin) sehingga 13 Februari 2020 (Khamis)** dengan harga sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)**. Pembekal hendaklah mengemukakan dokumen sokongan iaitu **salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** bagi memastikan kelayakan untuk pembelian Dokumen Sebut Harga melalui emel kepada **En. Mohd Azmi Hamdan** (Azmi@seda.gov.my). **Borang Pembelian Dokumen Sebut Harga** boleh dimuat turun di dalam laman sesawang SEDA Malaysia (www.seda.gov.my) dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) (www.mestecc.gov.my).
6. Semua kos berkaitan Cadangan Tawaran Sebut Harga ini adalah menjadi tanggungjawab pembekal. Bayaran Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibuat secara **ATAS TALIAN** sahaja di atas nama:

SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY MALAYSIA
Bank : **CIMB Islamic Bank Berhad (Cawangan Putrajaya)**
No. Akaun : **8600308067**
Swift Code : **CTBBMYKL**

7. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **Borang Pembelian Dokumen Sebut Harga** dan **slip pembayaran** melalui emel kepada **En. Mohd Azmi Hamdan** (Azmi@seda.gov.my) dan **En. Mohd Herwan Husain** (Herwan@seda.gov.my). Dokumen Sebut Harga akan diperolehi melalui emel dalam bentuk PDF dan MS Word selepas terimaan bayaran disahkan.
8. Cadangan Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **Tajuk** dan **No. Sebut Harga** disebelah kiri atas

sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga atau dihantar ke alamat seperti berikut:

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY (SEDA) MALAYSIA
Galeria PjH, Aras 9, Jalan P4W, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

9. SEDA Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. SEDA Malaysia berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
10. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.